

Bagus dan menarik – PM

KUALA LUMPUR 1 Nov. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, menyifatkan belanjawan negara 1992 yang dibentangkan hari ini sebagai satu belanjawan yang bagus dan menarik.

Menurutnya, belanjawan itu memang memberi penekanan kepada perkara-perkara yang telah dibincang dengan mendalam semasa mesyuarat kabinet baru-baru ini.

“Satu perkara yang menarik ialah kajian semula galakan taraf perintis yang dikenakan ke atas pelaburan-pelaburan baru,” katanya kepada para pemberita selepas Belanjawan 1992 dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Dato' Sri Anwar Ibrahim di bangunan Parlimen.

Selain itu, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, antara perkara yang menarik ialah peningkatan sedikit cukai ke atas barangan yang mampu dibayar oleh mereka yang bermat terhadap barangan itu.


Mengulas tentang kajian semula taraf perintis itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan terpaksa mendapat sedikit sebanyak hasil daripada pelaburan yang datang daripada luar dan dalam kerana ia terpaksa berbelanja bagi menyediakan banyak kemudahan infrastruktur untuk membantu pelaburan.

Menurutnya, kajian semula ini bukan untuk mengenakan cukai yang tinggi tetapi sekadar cukup membiayai belanja pembangunan yang digunakan oleh pelabur-pelabur.

Beliau percaya perubahan dasar yang dikenakan ini tidak akan mengganggu pengaliran masuk pelaburan asing.

Semasa membentangkan belanjawan tersebut, Dato' Sri Anwar menjelaskan bahawa kerajaan akan mengkaji semula galakan pelaburan yang diberikan kepada pelabur-pelabur.

Menteri Kewangan itu berkata, mulai hari ini syarikat yang memohon dan dilu-



luskan taraf perintis akan dikenakan cukai sebanyak 10 peratus ke atas keuntungan mereka.

Berhubung dengan galakan pelaburan modal berteknologi tinggi, Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan kini terpaksa mencari jalan untuk meningkatkan pelaburan luar yang menggunakan modal besar dan teknologi canggih termasuk penggunaan robotik.

Menurutnya, galakan ini tidak dilakukan sebelum ini kerana kerajaan mahu menggalakkan pelaburan yang banyak bagi mengurangkan masalah pengangguran yang sudah mencapai sembilan peratus.

Bagaimanapun, kata beliau, dasar menggalakkan pelaburan berteknologi tinggi kini terpaksa dilakukan kerana negara sudah mengalami kekurangan pekerja di samping mahu terus mengekalkan pelaburan.

“Oleh itu kita kini hanya memberi keutamaan kepada jenis industri yang menggunakan modal tinggi serta gunatenaga yang lebih terlatih,” katanya.

Beliau menjelaskan, dasar baru yang berhubung dengan pemberian milik 100 peratus itu hanya berkuasa ke atas syarikat-syarikat baru saja.

Menyentuh tentang levi ke atas pekerja-pekerja asing, Perdana Menteri berkata, kerajaan terpaksa mengambil sedikit keuntungan daripada kemasukan pekerja-pekerja asing yang sudah tentu akan menggunakan kemudahan yang diperuntukkan untuk rakyat Malaysia.

“Oleh kerana mereka akan hidup di sini dan menggunakan kemudahan yang ada, saya rasa adalah adil untuk mereka menyumbang bagi kemudahan-kemudahan ini,” jelasnya.

Beliau menambah, bayaran levi ini juga adalah untuk menentukan pekerja tempatan tidak dibayar kurang daripada pekerja asing, begitu juga dengan sebaliknya.

Beliau menjelaskan, walaupun pembayaran levi ini merupakan sumbangan daripada pekerja asing itu tetapi ia tetap akan dibayar oleh majikan mereka.

Mengenai inflasi, Perdana Menteri berkata, kerajaan mahu mengekalkan peningkatan dalam kadar pertumbuhan ekonomi negara tanpa menjejaskan kadar inflasi.

Menurutnya, rakyat perlu memahami bahawa kenaikan dalam kadar inflasi berlaku kerana kehendak mereka sendiri, jadi rakyat perlulah berbelanja setakat kemampuan.

Oleh itu, katanya, beberapa langkah yang diambil oleh kerajaan baru-baru ini adalah semata-mata untuk mengawal kadar inflasi.